

KL-Bangkok bangunkan industri halal

Strategi bagi tarik pelabur

Oleh Ahmad Farizal Hajat
ahmadfarizal@bharian.com.my

MALAYSIA merancang menjalankan kerjasama strategik dengan Thailand dalam industri halal, khususnya yang membabitkan pertanian dan makanan bagi menggalakkan kemasukan lebih ramai pelabur Thailand ke negara ini.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata, setakat ini jumlah pelaburan Thailand di Malaysia adalah kecil iaitu kira-kira RM1 bilion berbanding pelaburan negara ini ke negara berkenaan yang berjumlah RM3 bilion.

"Thailand memiliki kelebihan dan kepakaran dalam pertanian, khususnya mem-

babitkan pengeluaran makanan manakala Malaysia pula mempunyai kepakaran dan kemahiran dalam bidang halal yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa.

"Justeru, Malaysia melihat situasi itu boleh dimanfaatkan secara bersama dengan menjalankan kerjasama strategik dengan pengeluar makanan di Thailand dan ini sekali gus dapat mengimbangi pelaburan antara kedua-dua negara," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menerima kunjungan hormat dan perbincangan dengan delegasi perdagangan daripada Thailand yang diketuai Presiden Wakil Perdagangan Thailand, Kiat Sittheeamorn, di pejabatnya di Kuala Lumpur, semalam.

Mustapa berkata, bagi me-



MUSTAPA dan Kiat Sittheeamorn menyaksikan Pengarah Divisyen Farmasi CCM, Leonard Arif Abdul Shatar (kiri) dengan Presiden British Dispensary, Anurudh Vongvanij, bertukar dokumen MOU di Kuala Lumpur, semalam.

realisasikan kerjasama itu, kementeriannya akan mengadakan perbincangan susulan dengan 15 syarikat utama Thailand yang terbabit dalam bidang pengeluaran makanan dalam tempoh terdekat.

"Dalam tempoh dua atau tiga minggu ini, Thailand akan menghantar rombongan pelaburan yang akan disertai kira-kira 15 syarikatnya yang terbabit dalam sektor pertanian dan pengeluaran makanan untuk mengadakan perbincangan susulan mengenai kerjasama itu.

"Kita akan melihat sama ada hasil daripada lawatan dan perbincangan dengan syarikat Thailand itu boleh dilaksanakan dalam tempoh

terdekat," jelasnya.

Delegasi perdagangan Thailand seramai 130 orang dari pelbagai agensi kerajaan dan sektor swasta itu adalah kumpulan perdagangan paling besar yang pernah dihantar Thailand ke Malaysia setakat ini.

Mustapa berkata, kedatangan delegasi perdagangan itu menunjukkan bahawa Thailand amat serius dan berminat meningkatkan lagi hubungan ekonomi dan perdagangan dengan Malaysia.

"Selain, memiliki kepakaran dalam bidang pengeluaran makanan, Thailand turut mempunyai kekuatan dalam bidang automotif, biofuel dan biodiesel dan pelancongan